

8 JAN 1996

Mahathir-Dialog

PASIFIK PERLU BERI PERHATIAN LEBIH SERIUS KEPADA KAWALAN SENJATA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Pasifik seharusnya memberi perhatian lebih serius kepada isu kawalan senjata memandangkan keadaan masa kini memerlukan pendekatan baru terhadap masalah keselamatan.

"Apabila kita melengkapkan diri kita dengan senjata, ia hendaklah semata-mata untuk tujuan pertahanan dan penguatkuasaan undang-undang, itu pun setakat tahap keperluan yang minimum," kata beliau dalam ucapan utama ketika membuka Dialog Pasifik Kedua di sebuah hotel di sini hari ini.

"Pendekatan baru itu hendaklah yang membawa kepada keadaan apabila tidak wujud musuh, yang ada hanya rakan-rakan yang sama-sama berusaha mewujudkan keamanan dan kesejahteraan bersama," katanya.

Dialog dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Pusat Dasar Asia Pasifik di Washington DC dan Institut Kajian Dasar.

Dr Mahathir berkata negara-negara Pasifik membelanjakan tidak kurang daripada AS\$470 ribu-juta (RM1,175 ribu-juta) bagi senjata pada 1993, hampir-hampir menyamai keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semua tujuh negara anggota Asean daripada segi pariti kuasa membeli.

"Di kalangan kita terdapat kuasa ketenteraan yang terbesar dan terdapat juga negara yang paling banyak berbelanja untuk ketenteraan.

"Tanpa prasangka terhadap kepentingan keselamatan mereka yang sah daripada segi nasional, serantau dan sejagat, tentulah lebih banyak boleh dilakukan untuk mengurangkan senjata dalam pemilikan mereka.

"Dan lebih banyak lagi boleh dilakukan untuk menghadkan usaha mencipta, memajukan dan menyempurnakan senjata pemusnah yang lebih canggih," katanya.

Di samping itu, terdapat juga negara di rantau ini yang mempunyai kemampuan ketenteraan yang rendah berbanding dengan negara lain dan agak tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan keselamatan mereka. Kerana itu hak mereka untuk meningkatkan kemampuan mereka tidak seharusnya dinafikan, katanya.

Dr Mahathir berkata penjualan senjata yang lebih canggih kepada sesebuah negara akan hanya mendorong negara lain untuk mempunyai kelengkapan yang sama, dengan itu mereka akan dipersalahkan kerana terlibat dalam perlumbaan senjata sedangkan aktiviti negara yang menjual senjata itu tidak pula dipersalahkan.

Mengenai senjata nuklear, Dr Mahathir berkata lebih daripada rantau lain, rantau Pasifik perlu melaksanakan Perjanjian Penghapusan Senjata Nuklear dengan lebih bersungguh-sungguh kerana ada kemungkinan terdapat cita-cita nuklear di kalangan sesetengah negara rantau itu.

"Tiga daripada lima negara yang diisytiharkan sebagai kuasa nuklear terletak di Pasifik. Dan rantau ini hendaklah mematuhi larangan bagi ujiannya dan seterusnya mengharamkan sama-sekali senjata nuklear oleh kerana teknologi masa kini seharusnya membolehkan kita melakukan pengawasan dengan berkesan,"

Dr Mahathir juga menghuraikan beberapa prinsip yang pada pendapatnya perlu ada dan sangat penting dalam mengukuhkan asas bagi keamanan dan kesejahteraan bersama di rantau Pasifik.

Yang pertama ialah kebajikan masyarakat dan anggotanya pada tahap yang tertinggi, yang merupakan perkara yang paling dititikberatkan oleh negara, masyarakat dan agama.

"Selepas itu ialah sikap hormat-menghormati, rasa hormat yang perlu

diberikan terhadap nilai-nilai, kebudayaan, aspirasi dan kebolehan antara satu sama lain," kata beliau.

Prinsip-prinsip lain ialah persamaan kedudukan antara negara, sama ada kecil atau besar, berkuasa atau lemah; komitmen kepada keamanan dan cara aman dalam pembinaan keselamatan dan pengurusan perbezaan; saling bergantung, bekerjasama dan bantu-membantu; dan kesanggupan untuk mematuhi nilai-nilai dan norma serta prinsip yang "kita sendiri ikrarkan dan mengharapkan pihak lain mematuhi."

Mengenai ekonomi, Dr Mahathir berkata sesetengah daripada pasaran yang paling besar dan pesat membangun didunia bagi hasil keluaran negara perindustrian ialah di Asia Timur; ketika berjuta-juta rakyat Asia mengukuhkan kedudukan kuasa membeli mereka, permintaan mereka terhadap barangan dan perkhidmatan akan meningkat berkali ganda.

Negara Pasifik yang sedang membangun itu menawarkan peluang perniagaan dan pelaburan yang tidak dapat ditandingi oleh rantau lain, katanya.

Dalam keadaan itu, negara yang mempunyai peluang terbaik untuk mengecapi faedah yang terbesar ialah negara maju kerana mereka mempunyai sumber dan teknologi, katanya.

"Kita akan melakukan kesilapan besar jika kita gagal menghargai peluang ini dan sebaliknya memilih untuk mengetepikan Asia. Memanglah, jika kita mahu, kita boleh mengambil jalan berkonfrontasi," katanya.

Beliau berkata bukanlah menjadi rahsia lagi bahawa kejayaan Malaysia dalam mengatasi ancaman musuh dan memelihara keharmonian adalah sebahagian besarnya berpunca daripada pembangunan yang pesat dan pembahagian kekayaan dengan cara yang adil.

"Oleh itu kita mempunyai kepentingan dalam mengukuhkan asas ekonomi bagi keselamatan rantau ini. Jika emansipasi hak kemanusiaan benar-benar menjadi objektif kita, maka kita hendaklah mempunyai hasrat agar setiap negara terutama yang lebih miskin, menjadi maju.

"Jika demokrasi dan hak kemanusiaan benar-benar kita titikberatkan, maka kita akan menggalakkan pembangunan dalam setiap masyarakat, kerana demokrasi dan hak kemanusiaan akan subur dengan paling baik dalam keadaan ekonomi yang paling sesuai."

Jaminan terbaik bagi keselamatan yang berterusan di negara Asia Timur yang sedang membangun itu dan di rantau Pasifik seluruhnya terletak pada pertumbuhan sihat ekonominya, kata beliau. -- BERNAMA